

Beri elaun tarik pelajar dekati muzium

kosmo 2/6/08 M/S 10

Oleh NUR AISHAH AMIN

nuraislah.amin@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal mahu Jabatan Muzium mengkaji pemberian elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri di jabatan itu.

Pemberian elaun itu perlu diteliti bagi menarik minat golongan muda untuk menjalani latihan industri di Jabatan Muzium sekali gus mengelakkan bidang berkenaan terus terpinggir.

“Saya difahamkan pada 2007, hanya 16 pelajar sahaja yang menjalani latihan industri di Jabatan Muzium dan ia adalah jumlah yang sedikit dan puncanya adalah kerana tiada elaun disediakan kepada mereka,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Muzium Antarabangsa yang ke-11 di Muzium Negara semalam.

Hari Muzium Antarabangsa ke-11 itu bermula 18 hingga 24 Mei ini dan bertemakan ‘Muzium sebagai ejen perubahan sosial dan pembangunan’ dengan menampilkan pelbagai pameran dan pertunjukan budaya di Galeri 2 Jabatan Muzium tersebut.

Menurutnya, kekurangan pelajar itu adalah ekoran ketiadaan elaun atau insentif oleh pihak pengurusan Jabatan Muzium kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) menjalani latihan industri di jabatan berkenaan.

Beliau percaya, dengan pembabitian aktif



AZAHASILA ATTAN (kiri) dan Rusidah Deddye, tertarik melihat telefon awam lama ketika melawat tapak pameran Hari Muzium Antarabangsa 2008 di Muzium Negara semalam.

kalangan pelajar dalam bidang muzium akan dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai ahli sejarah dan kurator.

“Sekiranya tiada tindakan susulan diambil

pihak pengurusan Jabatan Muzium, ia dikhuatiri akan mengakibatkan negara kekurangan pakar dalam disiplin muzium pada masa akan datang,” katanya.